

BAB 5 PENUTUP

Masyarakat Orang Asli mengalami proses perubahan yang terus menerus sejak tahun 1940 an, khususnya antara tahun 1948 - 1960. Dalam tempoh ini pihak berkuasa mula melaksanakan program penempatan semula Orang Asli. Perubahan ini bukan sahaja berlaku terhadap rupa bentuk luaran tetapi termasuk perubahan struktur dalaman masyarakat berkenaan, iaitu perubahan dari segi persekitaran dan cara hidup. Mereka umpama objek perubahan dan modernisasi (H.M. Dahlan, 1988) kepada pihak berkuasa. Agen perubahan yang utama ialah JHEOA yang ditubuhkan pada tahun 1954. Walaupun perubahan yang diberikan mendatangkan kebaikan, ia turut mengakibatkan kesan-kesan buruk terhadap masyarakat tersebut. Colin G. Nicholas (1985 : 4) merumuskan bahawa,

" Since the late 1940's, Orang Asli have been subjected to new forces which not only threate their traditional mode of living but which also plunged them into an era of rapid social change -----"

Pendapat beliau menggambarkan pihak kerajaan telah secara beransur-ansur mengubah aspek sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli sehingga menyebabkan perubahan soaial. Perubahan sosial menyebabkan perubahan adat resam dan sistem nilai serta cara hidup mereka.

Campurtangan pihak-pihak tertentu terutama JHEOA dalam

hal-ehwal masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka terperangkap dalam krisis moral. Strategi yang dijalankan oleh Pihak JHEOA bertujuan memajukan masyarakat Orang Asli melalui program-program pembangunan seperti Rancangan Pengumpulan Semula. Dalam program pembangunan tersebut, mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan tekanan-tekanan luar umpamanya penyesuaian dengan alam sekitar dan lambang-lambang yang baru. Mereka harus berubah daripada kehidupan secara semulajadi di pinggir hutan dan bercampur-gaul dengan masyarakat moden di desa dan di kota.

Dalam persekitaran demikian yang baru, adat resam yang diturun-temurunkan terpaksa disesuaikan dengan realiti yang dialami. Adat kelahiran misalnya yang didampingi dengan berbagai pantang-larang telah semakin pupus. Pantang-larang tidak dapat diamalkan dalam keadaan yang agak 'moden'. Contohnya, ikan yang dibeli daripada penjual ikan di pasar tentu sekali tidak dapat diketahui sama ada ia terkena jala. Dengan itu, akibat buruk bertentangan dengankuasa luarbiasa dihindarkan. Perubahan moden yang terdapat mengikis kepercayaan mereka terhadap kuasa luarbiasa.

Sebenarnya adat resam yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi perlu dikekalkan. Adat resam dalam erti kata kebudayaan membayangkan identiti mereka. Pihak yang bertanggungjawab, iaitu JHEOA dan golongan intelek dari suku bangsa berkenaan memainkan peranan yang penting untu memberi kesedaran tentang memelihara identiti melalui adat resam. Usaha pengekalan adat resam dapat dilakukan dengan

menyalurkannya kepada generasi, muda melalui syarahan dan ceramah, bengkel, seminar dan cara-cara lain lagi. Pihak media massa perlu memperkenalkan adat resam masyarakat Orang Asli kepada masyarakat lain melalui siaran radio, televisyen, majalah dan suratkhbar. Pihak berkuasa perlu mengambil inisiatif dalam penyelidikan yang halus tentang adat resam masyarakat Orang Asli supaya dapat dijadikan sebagai kursus di peringkat sekolah baik pusat pengajian tinggi. Perlindungan perundangan kepada adat resam dan kebudayaan juga merupakan usaha yang berkesan.

Hasil daripada langkah-langkah tersebut bukan sahaja dapat menyedarkan masyarakat Orang Asli tentang kepentingan adat mereka malahan dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat lain mengenai adat masyarakat Orang Asli. Suasana menyanjung adat resam masyarakat Orang Asli yang istimewa dapat dihasilkan dan integrasi antara kaum tercapai. Berikutan itu, semua pihak akan mendapat keuntungan. Anggapan umum yang negatif tentang masyarakat Orang Asli dapat dihapuskan juga dengan menjadikan adat resam golongan minoriti sebagai pengetahuan umum. Sebenarnya tanggapan negatif dari masyarakat lain secara tidak langsung meruntuhkan semangat masyarakat Orang Asli untuk mengukuhkan kedudukan mereka sendiri. Stigma yang wujud dari masyarakat lain menyebabkan masyarakat Orang Asli menempuh tekanan yang hebat yang mengakibatkan pembentukan hubungan yang renggang antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Hubungan rapat dapat dibentuk selepas

prasangka dihapuskan dan dapat saling menghormati.

Kemajuan teknologi yang begitu pesat telah menyebabkan media elektronik seperti televisyen meresap ke petempatan Orang Asli. Memandangkan sebaran pengaruh alat komunikasi ini sangat cepat, pihak berkuasa perlu bertindak dengan lebih cepat daripadanya. Program-program yang disiarkan biasanya membawa nilai-nilai yang dianggap 'moden' seperti nilai materialistik yang bertentangan dengan sistem nilai yang murni masyarakat Orang Asli. Sewajarnya benar bahawa larangan menonton program televisyen tidak mungkin dilakukan tetapi pihak yang bertanggungjawab dapat memberi kesedaran kepada mereka.

Pembentukan sikap yang tidak menerima sebarang tanpa memahami intipanya boleh dicapai dengan melatih pemikiran yang matang. Strategi-strategi awal ialah memberi penjelasan kepada setiap pembangunan supaya pihak penerima tidak menerima secara membabi buta. Juli Edo (1984) melahirkan kekesalan terhadap pembangunan yang diberi oleh pihak berkuasa bagai 'buah kelapa yang dijatuh ke dalam sungai yang deras, hanya mampu hanyut mengikut arus, tanpa mengetahui ke manakah arah dan tujuannya'. Oleh yang demikian, sikap meneliti kesan sampingan sebelum menerima sebarang pembaruan perlu dibentuk. Sikap tersebut memainkan peranan yang penting semasa berdepan dengan perubahan. Mereka akan berupaya mengetahui arah yang dipimpin dan menerima dengan hati yang lebih terbuka.

Usaha melatih pemikiran yang matang dan mengetahui

masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli adalah penting. Ianya dapat mengelakkan pemisahan orang-orang Asli daripada program-program pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Tindakan tersebut dapat mengikis sangkaan buruk yang wujud antara pihak penerima dan pelaksana. Pihak berkuasa sebagai pelaksana berpendapat masyarakat Orang Asli tidak tahu menghargai usaha kerajaan dan sebaliknya masyarakat Orang Asli sebagai penerima pula berpendapat diri mereka dieksploitasi. Dengan itu, pihak yang terlibat dengan perubahan perlu mewujudkan pendekatan baru yang menitikberatkan sikap penerima. Masyarakat Orang Asli juga mempunyai keistimewaan dan merupakan insan yang sama dengan yang lain.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam proses perubahan dan pemodenan, golongan minoriti tentu sekali perlu menghindarkan adat resam yang mungkin tidak sesuai dengan persekitaran. Tekanan dari luar menyebabkan mereka berasa sangsi terhadap diri mereka sendiri. Mereka merasakan bahawa adat resam mereka begitu 'ganjil' jika dibandingkan dengan kaum yang lain. Maka adat perkahwinan yang unik sebagai contohnya dipengaruhi oleh adat perkahwinan masyarakat lain terutama masyarakat Melayu. Mas kahwin dan persandingan menunjukkan ciri pengaruh yang paling nyata. Pengaruh tersebut merupakan kesan interaksi dan pergaulan dengan kaum yang lain. Pembabagian atasan ('superiority') wujud semasa interaksi berlandaskan kekayaan dan bilangan golongan yang berinteraksi. Pihak yang 'superior' (atasan)

iaitu yang kaya dan mempunyai bilangan yang ramai akan berasa bangga dengan keupayaan, sedangkan pihak yang 'inferior' (bawahan) akan menyesuaikan diri kepada golongan yang dianggap atasan itu. Tindakan ini bertujuan mengelakkan golongan majoriti memandang rendah terhadapnya.

Sesungguhnya jika adat resam terpaksa dihapuskan untuk menyesuaikan diri kepada alam sekitar golongan majoriti adalah tidak munasabah. Bak kata pepatah 'biar mati anak jangan mati adat' mencerminkan kepentingan adat kepada suatu masyarakat. Adat dan masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana kehalusan adat menunjukkan kehalusan masyarakat dari segi pemikiran dan perlakuan. Ia menggambarkan keunikan suatu masyarakat.

Kesedaran tentang keunikan adat resam dapat mengekalkan identiti diri masyarakat sendiri. Identiti senang ditiup arus perubahan dan pemodenan yang melanda jika diri mereka tidak teguh. Malangnya masyarakat Orang Asli yang sangat miskin tidak dapat bertindak melainkan dipukul oleh arus sampai terumbang-ambing. Arus yang paling kuat termasuklah golongan asing yang datang dengan tujuan tertentu, iaitu penjual-penjual dan pelancong-pelancong.

Mereka harus dilindungi daripada penjual-penjual makanan lebih-lebih lagi penjual makanan ringan (junk food). Tabiat yang boros terbentuk di kalangan kanak-kanak yang menjadi sasaran utama. Langkah-langkah menghadkan kemasukan sebarangan penjual-penjual dapat dijalankan melalui pengeluaran permit-permit kemasukan. Segala barang yang

dijual pula perlu diperiksa oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan anasir-anasir buruk terbentuk.

Pelancong-pelancong yang mengunjungi petempatan orang Asli seperti di kawasan kajian juga patut ditunjukkan adat resam dan kebudayaan supaya tidak salah sangka. Biarlah kebudayaan dan adat menjadi tarikan kepada masyarakat lain tetapi bukannya masyarakat itu sendiri yang dipandang sebagai masyarakat yang mundur yang 'tinggal atas bukit'.

Ralph Linton menyatakan bahawa,

"value as basic to the development
of individual and to the perpetuation
of society _____" (Firth, 1964 : 209)

Kenyataan Linton memberi makna kepupusan sistem nilai akan mengakibatkan kehancuran masyarakat dan kemunduran individu. Beliau memberi penekanan kepada kepentingan sistem nilai. Namun, sistem nilai masyarakat Orang Asli khasnya masyarakat Semai di kawasan kajian telah semakin luntur. Konsep 'sharing' memperlihatkan perpaduan masyarakat tetapi ahli masyarakat kini lebih mementingkan diri sendiri. Walaupun ia mungkin merupakan kesan dari sistem ekonomi yang berbentuk 'monetization' (Colin, 1985 : 36), sistem nilai tidak patut diganggu. Sistem nilai patut dipegang kuat kerana ia menunjukkan keunikan masyarakat melalui kod-kod tingkahlaku yang tertentu. Ia merupakan dasar pembentukan masyarakat yang berbeza dari masyarakat yang lain. Tetapi

masyarakat di tempat kajian tidak mengendahkan kepentingannya bahkan mengagung-agungkan nilai asing. Kebenaran tersebut ditunjukkan dengan menari tarian 'rock' atau 'disco' semasa majlis perkahwinan.

Pendidikan merupakan faktor utama untuk membolehkan masyarakat Orang Asli menapis unsur-unsur pemodenan yang tidak sesuai dipraktikkan. Pendidikan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal.

Pendidikan formal dapat memberi rangsangan yang efektif kepada mereka dengan membuka fikiran mereka. Setiap ahli masyarakat di negara ini memperolehi pendidikan yang percuma termasuk masyarakat Orang Asli. Falsafah pendidikan negara bermatlamat melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Pendidikan dapat memberi kesedaran kepada generasi muda darihal keadaan diri mereka sendiri dan membentuk tingkahlaku yang diterima oleh orang lain (Baharom, 1973:281). Sekolah-sekolah khas yang disediakan oleh pihak JHEOA di petempatan pendalaman dan mereka yang tinggal berdekatan dengan bandar diberi segala kemudahan untuk menghadiri kelas. Meskipun begitu, masyarakat Orang Asli masih tidak memberi tindakbalas yang sewajarnya.

Masalah berkenaan dapat dihapuskan dengan mengadakan 'paksaan' supaya setiap anak Orang Asli menerima sekurang-kurangnya enam tahun pendidikan peringkat rendah.

Sebagaimana yang disyorkan oleh Profesor DiRaja Ungku Aziz ((1989). Sekolah berasrama penuh dibina berdekatan dengan petempatan mereka supaya mereka tidak merasa sangat terpisah daripada alam yang mereka biasa kenal. Sistem persekolahan pula memastikan semua kanak-kanak menerima sekurang-kurangnya enam tahun pertama pelajaran dan dicampur dengan satu pertiga (1/3) dari masyarakat keturunan lain. Langkah tersebut bukan sahaja dapat mengurangkan peratusan buta huruf malahan memberi keinsafan kepada golongan generasi muda untuk mengekalkan adat resam dan sistem nilai mereka. Insentif yang disebabkan oleh persaingan di antara mereka dapat menyedarkan masyarakat itu untuk memajukan diri dan mengekalkan identiti mereka.

Pendidikan formal bukan sekadar menimbulkan kesedaran tetapi dapat melahirkan golongan intelek dari golongan Orang Asli. Hal yang demikian, diibaratkan dengan falsafah "mengajar seseorang cara memancing adalah lebih berkesan daripada memberi ikan kepadanya setiap hari". Dengan kelahiran golongan intelek, masyarakat Orang Asli nescaya boleh menentukan arah dan langkah yang lebih sesuai dengan sifat-sifat semulajadi mereka dalam merancang masa depan mereka sendiri. Pembaruan yang diusahakan oleh anggota-anggota masyarakat sendiri akan memberi makna yang lebih mendalam kepada pihak penerima.

Namun demikian, pendidikan formal yang menekankan sains dan teknologi menghasilkan kesan sampingan yang menafikan kepercayaan terhadap adat dan pantgag-larang. Oleh itu,

pendidikan tidak formal mengenai kebudayaan Orang Asli, terutama kepercayaan dan adat harus diwujudkan. Selain daripada seminar dan syarahan yang telah disyorkan, pendidikan tidak formal dapat dijalankan dengan berkesan melalui pembentukan persatuan dan badan-badan khas oleh pihak berkuasa atau golongan masyarakat itu sendiri. Persatuan dan badan-badan khas tersebut mempraktikkan kebudayaan Orang Asli melalui ahli-ahli dari masyarakat Orang Asli. Ia boleh menganjurkan berbagai pameran dan pertunjukkan kebudayaan Orang Asli yang secara tidak langsung menyedarkan masyarakat Orang Asli tentang keunikan kebudayaan mereka.

Sebagai kesimpulan, dalam proses perubahan dan pemodenan yang berlaku di kalangan masyarakat Orang Asli, mereka perlu mempertahankan identiti sendiri dan anggapan buruk dari pihak yang lain harus dikikis. Kebenaran mereka merupakan golongan yang paling awal di Semenanjung Malaysia tidak dapat dinafikan. Peter Bellwood (1989) menyatakan,

"The Semang be the most locally evolved descendants of the Hoabinhians in the Malay Peninsular 20 000 years ago".

Dengan adanya bukti bahawa masyarakat Orang Asli merupakan kelompok yang paling awal di negara ini, hak-hak mereka patut dipelihara. Mereka harus dihormati seperti kelompok masyarakat lain yang dihormati.

Lantaran itu, mereka harus diberi balik hak asasi mereka untuk menentukan masa depan diri sendiri dan digalakkan membela potensi mereka dengan seluas-luasnya (Colin, 1985:xvi). Keselamatan, kebebasan dan keharmonian patut diberi kepada golongan minoriti tersebut (Endicott, 1979:188). Maruah mereka perlu dikembalikan dan jangan dianggap sebagai golongan yang sangat mundur. Mereka adalah sama dengan masyarakat lain dari segi mental dan Fizikal. Hanya suasana alam persekitaran yang berbeza membentuk insan yang berbeza. Pihak berkuasa cuma bertindak sebagai pemimpin dan pelopor dalam memberi segala bentuk bantuan untuk membawa mereka ke depan. Izinkan mereka sendiri yang menjadi watak-watak utama demi menentukan masa depan mereka sendiri. Adat resam, sistem nilai dan seterusnya identiti masyarakat Orang Asli perlu dikekalkan dalam celah-celah pembangunan, perubahan dan pemodenan agar masyarakat Semai di kawasan kajian dapat mencapai kemajuan yang setara dengan masyarakat keturunan yang lain.